



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KETEPATAN APLIKASI PENANDA WACANA MURID DI BANDAR DAN LUAR BANDAR DALAM ASPEK KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN

SHARIPAH AINUN BINTI SAMSUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KETEPATAN APLIKASI PENANDA WACANA
MURID DI BANDAR DAN LUAR BANDAR DALAM
ASPEK KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN**

SHARIPAH AINUN BINTI SAMSUDIN



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**





Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya
jelaskan sumbernya.



SHARIPAH AINUN
BINTI SAMSUDIN
M20081000091





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tugas ini untuk kertas Penulisan Kertas Projek Bahasa Melayu (BMP6006) dalam masa yang telah ditetapkan. Semoga usaha dan penat lelah ini mendapat keredhaan dari-Nya yang Maha Esa. Penghargaan yang tidak ternilai ingin saya tujukan kepada ahli keluarga saya yang banyak memberi sokongan moral sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya dengan rasa bangga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak ternilai harganya kepada pensyarah pembimbing, En. Abdullah bin Yusof kerana telah banyak memberi bimbingan dan dorongan untuk menyiapkan laporan kajian ini. Tanpa nasihat dan bimbingan daripada beliau, kajian ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan dan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah banyak membantu dan memberikan kerjasama semasa saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, adalah mustahil untuk saya menyiapkan laporan kajian ini. Segala kerjasama daripada anda semua akan saya kenang sehingga ke akhir hayat. Sesungguhnya, segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan akan saya praktikkan sebagai bekalan pada masa hadapan yang bakal ditempuhi tidak lama lagi. InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

SHARIPAH AINUN BINTI SAMSUDIN
M20081000091
Pelajar Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak.





ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tahap ketepatan aplikasi penanda wacana murid-murid di bandar dan luar bandar dalam aspek kemahiran menulis karangan. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar di Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh, Perak dan Sekolah Menengah Dato' Seri Maharaja Lela, Kampung Gajah, Perak. Pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan dengan menggunakan ujian penulisan karangan. Data yang diperoleh pula dianalisis mengikut kaedah frekuensi dan peratusan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan tahap penguasaan penggunaan penanda wacana dalam penulisan karangan yang memuaskan dalam kalangan responden. Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar mempunyai tahap penguasaan penggunaan penanda wacana yang lebih baik dari pelajar-pelajar yang bersekolah di luar bandar. Dapatan ini boleh digunakan oleh pihak-pihak yang terbabit dalam sistem pendidikan di negara ini dalam meletakkan bidang pendidikan di negara kita bertaraf dunia.



ABSTRACT

This study examine the accurate level of application conjunction markers among urban and rural students in composition writing skills. This study is conducted among the students of Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh and Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seri Maharaja Lela, Kampung Gajah, Perak. Data collection is based on composition writing. Data analysis is carried out through frequency and percentage method. In conclusion, this study show the level of syntax markers used in composition writing by respondents are satisfactory. The results also show that urban students are better compared to the rural students in using conjunction markers. The result of this study is hoped to help the stake holders in education field to facilitate teaching and learning of composition writing in the Malay language.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv - v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii - ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GRAF	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1 - 4
1.2 Latar belakang	4 - 7
1.3 Pernyataan Masalah	8 - 13
1.4 Objektif kajian	14-15
1.5 Soalan-soalan Kajian	15-
1.6 Kepentingan Kajian	16 - 19
1.7 Definisi Istilah	19 - 22
1.8 Batasan Kajian	23 - 24
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	25 - 26
2.2 Tinjauan Literatur	26- 44
Yang Berkaitan	

Halaman

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pengenalan	35-36
3.2	Sampel Kajian	36-37
3.3	Reka bentuk kajian	37-38
3.4	Instrumen kajian	38-40
3.5	Prosedur	42-43

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis dan Taksiran Data	46-54

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	55
5.2	Kesimpulan Kajian	56-69
5.3	Implikasi Kajian	70-92
5.4	Cadangan	92-95

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A



SENARAI JADUAL

Bil.	Tajuk	Halaman
4.1	Data Kekerapan dan Taburan Peratus Pencapaian Ketepatan Penggunaan Penanda Wacana	38
4.2	Data Kekerapan dan Peratusan Markah Pencapaian Penggunaan Penanda-penanda Wacana Dalam Penggabungan Ayat-ayat Penulisan Karangan Murid-murid	40
4.3	Perbandingan Pencapaian Ketepatan Penggunaan Penanda Wacana Penghubung Tambahan Dalam Penulisan Karangan Pelajar Di Bandar Dengan Pelajar Di Luar Bandar	43
5.1	Teknik mengembangkan isi sokongan	73





SENARAI RAJAH

Bil	Tajuk	Halaman
1.1	Penghasilan sebuah tulisan	5
1.2	Unsur Karangan dan Kandungan	9
1.3	Unsur-unsur Dalam Wacana	16
5.1	Faktor luaran penentu penguasaan bahasa Melayu	55
5.2	Hubungan Antara Idea Utama dengan Isi Sokongan	72





SENARAI GRAF

Bil	Tajuk	Halaman
4.1	Taburan Peratus Pencapaian Ketepatan Penggunaan Penanda Wacana	39
4.2	Peratusan Markah Pencapaian Penggunaan Penanda-penanda Wacana Dalam Penggabungan Ayat-ayat Penulisan Karangan Murid-murid	42
4.3	Perbandingan Pencapaian Ketepatan Penggunaan Penanda Wacana Penghubung Tambahan Dalam Penulisan Karangan Pelajar Di Bandar Dengan Pelajar Di Luar Bandar	45





SENARAI SINGKATAN

Singkatan

Pengertian

KBSR

Kurikulum Bersepadu Sekolah
Rendah

KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah
Menengah

PPSMI

Pengajaran dan Pembelajaran
Sains Dan Matematik Dalam
Bahasa Inggeris



SPM



STPM

Sijil Tinggi Persekolahan
Malaysia

UNESCO

*United Nations Educational
Scientific and Cultural
Organization*





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara demi mewujudkan masyarakat Malaysia yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara”



Sesuai dengan dasar pendidikan tersebut yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, dan statusnya sebagai bahasa rasmi Malaysia yang mendokong peranan sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama bagi mata-mata pelajaran di sekolah menengah kebangsaan, kecuali Matematik dan Sains mulai 2004 (Sharifah Maimunah, 2004). Para lepasan SPM dijangka mencapai satu tahap penguasaan bahasa Melayu yang membolehkan mereka bersedia mengikuti pelajaran dalam bahasa berkenaan pada peringkat pra universiti dan institusi-institusi pendidikan yang lebih tinggi.

Salah satu aspek penguasaan bahasa Melayu adalah melalui penguasaan kemahiran menulis. Penekanan pengajaran kemahiran menulis amat penting bukan sahaja untuk tujuan pencarian ilmu pengetahuan, tetapi juga bagi memenuhi fungsi sosial dalam aktiviti kehidupan harian. Bagi tujuan itu, murid sekolah haruslah mencapai suatu tahap literasi yang sesuai untuk memenuhi kedua-dua fungsi berkenaan.

Pengumpulan data tentang literasi yang membabitkan kemahiran menulis di Malaysia, telah dijalankan oleh jabatan-jabatan pelajaran, misalnya oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (2001). Hasil bancian kemahiran menulis yang dijalankan di negeri ini didapati sebanyak 86.0 peratus murid sekolah kebangsaan di negeri ini menguasai kemahiran



berkenaan dengan sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Pulau mendahului pencapaian, iaitu 88.0 peratus dan diikuti Pejabat Pendidikan Daerah Utara dan Tengah (85.4 peratus), dan Pejabat Pendidikan Daerah Selatan (81.6 peratus).

Bagi menghasilkan penulisan yang baik, sesebuah wacana itu perlu mempunyai idea pokok yang dibincangkan secara jelas dengan sokongan dan butiran konkrit, penting dan bersabit. Tema perlu dikembangkan dengan teratur selangkah demi selangkah, terdapat kepaduan dalam perenggan dan peralihan dari perenggan ke perenggan lain secara berkesan. Tema dikembangkan secara menarik dan seimbang dengan penekanan yang wajar. Ayat dibina dengan baik iaitu bersepadu, berkesan dan pelbagai ragam. Perkataan yang dipilih dan digunakan juga sangat berkesan, menarik, tepat dan penuh dengan bunga bahasa. Tidak terdapat kesalahan tatabahasa, ejaan dan tanda baca dalam wacana tersebut (Koh Boh Boon, 1981).

Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa kemahiran menulis merupakan sebahagian daripada kemahiran penting yang harus dikuasai oleh semua pelajar sejak di bangku sekolah kerana kemahiran ini merupakan sebahagian besar daripada pendidikan formal yang memerlukan kecekapan mental dan kemahiran sendiri dalam penyampaian maklumat, idea, perasaan, atau pendapat. Tugas mengarang memerlukan pemikiran yang jelas dan teratur untuk membolehkan





seseorang itu memterjemahkan apa-apa yang ingin dinyatakan dalam mod lisan kepada mod tulisan dengan menggunakan siri ayat yang teratur dan betul. Hal ini penting kerana bahasa mempunyai bentuk dan maksud tersendiri (Abdullah Hassan, 1980).

Karangan yang baik mestilah mengandungi ayat yang disusun menurut cara tertentu agar kelihatan gramatis. Keragaman yang terdapat dalam pola ayat, memainkan peranan yang amat penting untuk memberikan tenaga kepada suatu hasil penulisan. Arapof (1970) pula berpendapat bahawa setiap ayat yang dibina mestilah mengandungi struktur ayat yang dipelbagaikan mengikut kesesuaian idea yang hendak disampaikan. Oleh sebab itu, teknik penulisan haruslah diterapkan atau diaplikasikan dalam suatu ekspresi idea kerana hal ini dapat mempengaruhi kualiti karangan pelajar. Aspek inilah yang menjadi permasalahan kepada para pelajar untuk menghasilkan karangan yang bermutu.

1.2 Latar belakang

Mempelajari bahasa bermaksud mempelajari kemahiran yang mempunyai hubungan dengan bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini perlu dipelajari oleh seseorang supaya dapat menggunakan bahasa dengan baik. Kemahiran menulis sebenarnya merupakan kemahiran berbahasa





tertinggi yang berkembang selari mengikut perkembangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang. Kemahiran menulis memang lebih sukar dan lebih lambat dikuasai daripada kemahiran bertutur atau pun dalam membaca. Kemahiran dalam bidang penulisan hanya boleh diajar melalui pengajaran yang formal. Selari dengan pendapat ini, Ann Raimes (1983: 5) pernah menegaskan bahawa:

“When we look at these differences, we can see that our will not just ‘pick up’ writing as they learn other language skills. We have to teach writing ...”

Walaupun kemahiran menulis ini penting kepada pelajar dan hal ini dinyatakan dengan jelas dalam matlamat pendidikan Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), kemahiran menulis masih menjadi satu masalah kepada para pelajar. Maklum balas daripada pelbagai pihak menunjukkan bahawa kemahiran menulis mencapai tahap yang terendah berbanding dengan kemahiran lain.

Raimes dalam bukunya yang berjudul *Technique in Teaching Writing* telah mengemukakan sebuah model untuk menggambarkan beberapa proses yang berlaku ketika seseorang itu menghasilkan karangan. Beliau menegaskan bahawa penghasilan sebuah tulisan melibatkan unsur seperti penulisan, pengetahuan tentang khalayak dan tujuan penulisan, pemilihan kata, penyusunan perenggan, pemilihan struktur ayat dan isu, dan mekanik penulisan (Rajah 1.1).





Rajah 1.1: Penghasilan sebuah tulisan.

Kurangnya kajian tentang literasi fungsian yang membabitkan kemahiran menulis menyebabkan kurang lengkap data tentang tahap literasi di Malaysia, khususnya dalam bahasa Melayu. Sebuah kajian khususnya tentang literasi kemahiran menulis diperlukan bagi melengkapkan kajian literasi sebelumnya yang lebih tertumpu pada kemahiran membaca, serta dapat dibuat bandingan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis yang telah dijalankan di luar negara (Purve,1992). Secara khusus, dapatan kajian ini turut menyediakan maklumat tentang tahap penguasaan kemahiran menulis murid sekolah





menengah kebangsaan dalam bahasa Melayu pada peringkat menengah atas, iaitu bahasa yang mendukung peranan bahasa pengantar utama pendidikan.

Dalam menguasai kemahiran menulis, murid-murid perlu tahu perkara-perkara yang ditekankan dalam penulisan sebuah wacana. Bagi menghasilkan penulisan yang baik, sesebuah wacana itu perlu mempunyai idea pokok yang dibincangkan secara jelas dengan sokongan dan butiran konkrit, penting dan bersabit. Tema perlu dikembangkan dengan teratur selangkah demi selangkah, terdapat kepaduan dalam perenggan dan peralihan dari perenggan ke perenggan lain secara berkesan.

Kegagalan dalam mengembangkan tema dengan teratur, mewujudkan pertautan dalam perenggan dan pertalian dari perenggan ke perenggan lain secara berkesan akan menyebabkan wacana sukar difahami pembaca dan tidak menarik untuk dibaca. Sehubungan dengan itu, kajian amat diperlukan bagi menilai kebolehan pelajar dalam kemahiran penggunaan penanda-penanda wacana dalam penulisan karangan pelajar.





1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis merupakan sebahagian daripada kemahiran literasi yang menurut UNESCO (1980) merupakan salah satu hak asasi individu yang menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan terhadap rakyatnya. Kurangnya kajian tentang literasi fungsian yang membabitkan kemahiran menulis menyebabkan kurang lengkap data tentang tahap literasi di Malaysia, khususnya dalam bahasa Melayu. Sebuah kajian khususnya tentang literasi kemahiran menulis diperlukan bagi melengkapkan kajian literasi sebelumnya yang lebih tertumpu pada kemahiran membaca, serta dapat dibuat bandingan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis yang telah dijalankan di luar negara (Purve,1992). Kajian ini dapat menilai sejauh mana program pendidikan bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah berjaya melahirkan murid yang dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran bahasa (khususnya menulis) untuk menyelesaikan masalah harian dalam konteks formal dan tidak formal.

Di samping menguasai pelbagai kemahiran menulis, pelajar juga perlu menguasai kemahiran menggunakan penanda-penanda wacana dan alat-alat kata penghubung dan penguasaan aspek ini bermakna bukan sahaja idea, fakta, pemikiran, pengetahuan dan maklumat dapat dijelaskan dengan berkesan, tetapi karangan yang dihasilkan akan memaparkan unsur-unsur kelancaran, kelicinan dan kemantapan.





Tinjauan yang dilakukan oleh Awang Sariyan (1987: 263-286) ke atas karangan pelajar-pelajar STPM yang mendapati kelemahan tatabahasa amat ketara dalam kesalahan aspek imbuhan, kata jamak dan ayat. Kesalahan ayat yang masih banyak dilakukan oleh pelajar melibatkan penggunaan penanda-penanda wacana, terutama dalam penggabungan dan perangkaian ayat-ayat serta perenggan. Walaupun tinjauan ini menyentuh sedikit sahaja aspek penanda wacana, tetapi implikasinya besar dalam penghasilan penulisan karangan yang mantap, licin dan berkesan kepada pembaca. Seterusnya jika perkara ini tidak diambil perhatian kesalahan ini akan terus dilakukan oleh pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.



Dalam analisis kohesi yang dilakukan oleh Mahmood dalam Abdul Jalil Othman (2000) untuk melihat pertautan ayat yang dihasilkan oleh para pelajar yang menjadi subjek kajiannya itu, beliau mendapati bahawa kumpulan pelajar yang bukan penutur jati telah menghasilkan lebih banyak bentuk kohesi dalam karangan masing-masing berbanding dengan pelajar daripada kumpulan penutur jati, setelah kumpulan pelajar bukan penutur jati itu didedahkan kepada kemahiran tertentu yang ada kaitannya dengan aspek pertautan dalam penulisan karangan. Hal ini menjelaskan bahawa untuk meningkatkan kualiti penulisan karangan para pelajar, khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan pertautan ayat,





kemahiran yang relevan dengannya harus disediakan dan didedahkan kepada para pelajar agar mutu penulisan karangan dapat ditingkatkan dengan lebih nyata.

Schneider dalam Abdul Jalil Othman (2000) pula telah memeriksa karangan yang dihasilkan oleh responden yang terdiri daripada 30 orang penutur jati bahasa Inggeris. Dia mendapati bahawa kumpulan karangan yang baik mengandungi bentuk kohesi yang lebih banyak berbanding dengan kumpulan karangan yang lemah. Kebanyakan bentuk kohesi yang dihasilkan itu memperlihatkan tautan yang jelas antara ayat yang dihasilkan dalam karangan. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan bentuk kohesi yang tepat dan sesuai dengan ayat dalam memperlihatkan kematangan sintaksis yang dihasilkan oleh para pelajar dengan jelas. Pendapat ini disokong oleh Johnson dalam Abdul Jalil Othman (2000) yang mendakwa bahawa karangan yang baik seharusnya mempunyai pertautan yang jelas antara ayat yang dihasilkan melalui penggunaan bentuk kohesi khususnya kohesi leksikal pengulangan dan kohesi leksikal kolokasi.

Sebuah karangan yang baik ialah karangan yang di dalamnya terkandung idea yang bertautan. Di samping itu, idea-idea tersebut pula hendaklah diolah dan dikembangkan dengan kemas dan baik. Persoalannya, banyak pelajar tidak berupaya mengembangkan idea utama dan isi sokongan dengan kemas. Kalau adapun, timbul pula masalah baru, iaitu pelajar gagal menautkan idea utama dengan isi sokongan yang menjadi ‘tubuh’ sesebuah karangan.



Akibat daripada kegagalan pelajar menautkan idea utama dengan isi sokongan, maka terhasillah sebuah karangan yang tidak utuh dan tidak relevan kandungannya, sama ada daripada aspek tautan ataupun perkembangan isi. Setiap karangan terbentuk daripada tiga bahagian yang utama, iaitu pengenalan, isi dan penutup. Idea utama sesebuah karangan terkandung di dalam perenggan pengenalan, manakala isi sokongan pula terkandung di dalam perenggan isi. Kesimpulan karangan tersebut pula dijelaskan di dalam perenggan penutup.

Unsur karangan	Kandungan
Pengenalan	Idea Utama
Isi Karangan	Isi Sokongan
Penutup	Kesimpulan

Rajah 1.2: Unsur Karangan dan Kandungan

Dalam proses mengembangkan idea dan isi sokongan, pelajar hendaklah terlebih dahulu merangka karangannya. Menurut Awang Sariyan (2003), dalam rencananya yang bertajuk 'Daripada Rangka Menjadi Karangan', langkah ini dapat mengelakkan daripada terjadinya karangan yang terpesong daripada tajuk. Dalam proses membina rangka karangan, pelajar hendaklah mengambil kira pertautan dan jalinan karangan. Hal ini demikian kerana salah satu sifat karangan yang baik ialah pembaca dapat menangkap maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dalam



perenggan pertama lagi. Hal ini bermakna, karangan yang baik mestilah mempunyai pendahuluan yang mengandungi idea utama yang jelas dan bertaut dengan isi sokongan. Masalahnya, bagaimanakah idea utama yang baik dapat dibentuk dan bertaut pula dengan isi sokongan? Pada peringkat ini, pelajar perlu dididik bagi membentuk pendahuluan yang baik dan berkesan.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa dengan isi dan fakta yang cukup dalam penulisan tidak menjamin mutu penulisan yang baik dan berkesan. Salah satu sebab ialah kelemahan atau kurang kemahiran menggabungkan idea-idea dengan menggunakan penanda-penanda wacana secara berkesan. Hal ini adalah kerana pelajar masih lemah dalam penyampaian idea-idea dan penghuraian. Tambahan pula kurangnya penekanan guru bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran penggunaan penanda-penanda wacana dalam aktiviti penulisan karangan. Jadi, kajian diperlukan bagi menilai kebolehan pelajar dalam kemahiran penggunaan penanda-penanda wacana dalam penulisan pelajar.

Maklumat yang diperoleh bukan sahaja berguna bagi tujuan penilaian sumatif dalam penilaian kendalian sekolah, tetapi juga dapat dimanfaatkan bagi tujuan merancang strategi untuk membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Kefasihan berbahasa dalam bahasa Melayu sangat penting kerana bahasa ini merupakan bahasa perhubungan dan bahasa rasmi negara. Sesuai dengan peranannya sebagai bahasa pengantar





pendidikan, kefasihan berbahasa dalam bahasa Melayu, khususnya kefasihan menulis pada tahap perlakuan minimum sekurang-kurangnya, diperlukan untuk menguasai mata pelajaran lain yang berasaskan kandungan.

Beberapa kajian yang dijalankan oleh para pengkaji bahasa menunjukkan bahawa masih banyak pelajar khususnya pada peringkat sekolah menengah tidak berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang benar-benar mencakup kehendak soalan dan memberansangkan. Kelemahan menyusun idea melalui jalinan perkataan yang dipilih begitu ketara sekali. Idea atau maklumat yang hendak disampaikan agak longgar dan ada kalanya tidak mempunyai tautan atau pertalian antara satu sama lain. Perkara ini, jika dibiarkan berlarutan, dapat menyebabkan kegagalan para pelajar dalam peperiksaan kerana kemahiran menulis merupakan komponen utama yang dapat menentukan tahap pencapaian pelajar itu sendiri.





1.4 Objektif kajian

Memandangkan kepentingan penggunaan penanda-penanda wacana sebagai perangkai ayat dan perenggan dalam pelbagai jenis penulisan karangan, pengkaji amat berminat untuk melihat kesan penyerapan penanda-penanda wacana penghubung tambahan dalam penulisan karangan kalangan pelajar di bandar dan luar bandar. Oleh yang demikian, pengkaji ingin meninjau:

- a. Sejauh mana pelajar dapat menggunakan penanda-penanda wacana penghubung tambahan dalam kemahiran menulis bagi menjelaskan dan menyusun kesinambungan idea atau fakta dalam penulisan karangan mereka?
- b. Mengenalpasti tahap pencapaian markah penggunaan penanda-penanda wacana penghubung tambahan dalam penggabungan ayat-ayat penulisan karangan pelajar.
- c. Apakah terdapat perbezaan pencapaian kesan penyerapan penanda-penanda wacana penghubung tambahan dalam penulisan karangan kalangan pelajar di bandar dan luar bandar?

Berdasarkan penilaian tahap ketepatan pemakaian penanda-penanda wacana dan aplikasi dalam pembinaan ayat-ayat kompleks penulisan karangan di peringkat SPM, satu kaedah kaji selidik dijalankan. Kaji selidik ini dijangkakan dapat mengemukakan beberapa





maklumat tentang tahap penguasaan penggunaan penanda-penanda wacana penghubung tambahan ini. Selain itu, hasil penyelidikan ini juga akan menyenaraikan penanda wacana penghubung tambahan yang dapat dikuasai dengan tepat dan baik, seterusnya aspek penanda-penanda wacana yang masih perlu diberi perhatian oleh para guru bahasa semasa mengajar karangan.

1.5 Soalan-soalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif yang dinyatakan di atas, soalan-soalan kajian berikut dibuat untuk menjawab beberapa aspek kajian secara yang lebih spesifik:

- a. Apakah pelajar dapat menggunakan penanda wacana penghubung tambahan dalam kemahiran menulis karangan mereka?
- b. Berapakah peratusan markah pencapaian penggunaan penanda-penanda wacana penghubung tambahan dalam penggabungan ayat-ayat penulisan karangan murid-murid?
- c. Apakah terdapat perbezaan pencapaian penggunaan penanda-penanda wacana penghubung tambahan di dalam penulisan karangan antara pelajar di bandar dengan pelajar di luar bandar?





1.6 Kepentingan Kajian

Peranan kohesi dalam karangan sangat penting jika kita mahu melihat hasil yang baik dalam suatu penulisan itu. Kaedah dan pendekatan mengajar penulisan yang dipraktikkan oleh kebanyakan guru pada masa ini hanya mementingkan isi dan kurang memberikan penekanan secara khusus kepada aspek yang berkaitan dengan sudut kebahasaan, seperti perkaitan sintaksis dan perkaitan semantik. Situasi ini akan hanya menyebabkan pelajar kita tidak mempunyai kemahiran untuk menghasilkan karangan yang bermutu dan berkesan. Mereka bukan sahaja tidak mempunyai pegangan yang mantap, tetapi juga menjadi cepat bosan apabila berhadapan dengan kemahiran menulis.

Kebanyakan kajian tentang kohesi dijalankan terhadap pengajaran bahasa Inggeris dan dalam karangan pelajar luar negara untuk melihat keberkesanan pelajar menghasilkan pertautan ayat dalam keseluruhan hasil penulisan. Kajian seumpama itu baru muncul di negara ini bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Sebelum ini, kajian dari sudut kebahasaan hanya memberikan tumpuan kepada jenis ayat dan kompleksiti ayat seperti yang pernah dijalankan oleh Abdul Halim Yusof (1974) dan Khatijah Abdul Hamid (1984). Kajian yang melibatkan analisis tautan sebelum ini hanya dilakukan dalam wacana bahasa cerpen dan penulisan sastera Melayu (Hasnah Mat Adnan 1994), dan kajian ini tidak memperlihatkan perkaitan yang jelas dengan pendidikan bahasa Melayu pada peringkat sekolah.





Teknik penulisan haruslah diterapkan atau diaplikasikan dalam suatu ekspresi idea kerana hal ini dapat mempengaruhi kualiti karangan pelajar. Aspek inilah yang menjadi permasalahan kepada para pelajar untuk menghasilkan karangan yang bermutu (Abdul Jalil: 2000).

Oleh sebab kepentingan penguasaan penanda-penanda wacana dalam kemahiran menulis dan mengarang, sewajarnya guru-guru memberi perhatian terhadap penggunaan penanda-penanda wacana ini. Umpamanya, dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan, penyerapan latihan penggunaan penanda-penanda wacana dapat membantu murid-murid merangkai dan menggabung ayat-ayat serta perenggan.



Melalui penemuan-penemuan yang dijangkakan diharap dapat membantu dan memberi panduan kepada para guru bahasa menyusun perancangan pengajaran mereka. Dengan kata lain, akan menyedarkan mereka tentang perlunya aktiviti-aktiviti penyerapan, pengayaan dan pemulihan aspek penggunaan pelbagai penanda wacana yang dicadangkan. Penguasaan terhadap penggunaan yang tepat dan aplikasi penanda-penanda ini dalam kemahiran berbahasa amat berfaedah, sama seperti aspek-aspek tatabahasa, kosa kata, makna, sintaksis dan mekanis.





Dengan kajian ini juga diharap boleh memberi kesedaran tentang kepentingan penguasaan penggunaan penanda-penanda wacana kepada para pelajar, terutama dari aspek menggabung dan merangkai ayat-ayat serta perenggan dalam karangan. Ini dapat membantu murid-murid melahirkan fikiran, idea, fakta, isi dan pengetahuan, menyatakan hujah dengan lebih lancar dan berkesan. Keperluan penguasaan penanda-penanda wacana akan semakin ketara apabila pelajar berada di peringkat yang lebih tinggi. Akhirnya nanti, kemahiran ini dapat dimanfaatkan dalam kehidupan harian mereka mahupun dalam bentuk komunikasi lisan dan penulisan terutamanya apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

Selain daripada itu, penemuan-penemuan ini akan dapat membantu penulis-penulis buku teks dan buku kerja. Sekurang-kurangnya mereka dapat membimbing murid-murid dalam pembinaan ayat yang menggunakan penanda wacana dengan betul dan tepat dalam buku latihan mereka. Bagi para guru bahasa mereka boleh menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan dalam bilik darjah. Hanya melalui latihan-latihan yang sistematik akan mempercepatkan dan meningkatkan kefahaman murid-murid terhadap penggunaan penanda-penanda wacana dalam pelbagai penulisan yang akan dihasilkan pada masa depan.

Berhubungan dengan itu, hasil penemuan ini akan dapat membantu menyedarkan panel-panel penggubal sukatan pelajaran Bahasa Melayu sama ada untuk sekolah rendah atau sekolah menengah tentang





pentingnya penguasaan penanda wacana. Dapatan kajian ini amat diperlukan terutama sekali dalam membantu pelajar menguasai kemahiran penggunaan penanda wacana. Jika dalam buku sukatan yang sedia ada dirasakan masih kurang diberikan penegasan secara tidak langsung perkara ini perlu diberi perhatian untuk menambah penekanannya.

Dapatan penyelidikan ini juga dapat membantu perancang-perancang seminar, kursus atau bengkel yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran bahasa Melayu sama ada anjuran Kementerian Pendidikan atau badan-badan lain memasukkan slot tentang kepentingan penggunaan penanda-penanda wacana dalam penulisan. Akhirnya dengan cara ini akan dapat menyedarkan secara menyeluruh mereka yang terlibat dalam perkembangan bahasa Melayu.



1.6 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini diberikan takrifan operasi seperti berikut:


Penanda menurut Kamus Dewan (2002) ialah apa-apa yang digunakan sebagai tanda.





Wacana pula menurut Kamus Dewan merupakan keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan atau kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan seperti pidato dan khutbah atau tulisan seperti surat, artikel, novel dan cerpen. Wacana ialah satu unit bahasa yang lengkap. Ia melebihi tingkat ayat. Oleh sebab sifatnya yang lengkap, wacana mempunyai tubuh teks yang terdiri daripada pendahuluan, tubuh, penutup atau mungkin dalam bentuk graf, jadual, peta dan statistik. Bahagian tubuh mengandungi isi, munasabah, logik, menarik, berkesan, unsur-unsur paralinguistik seperti tanda bacaan, cetakan tebal, miring dan garis tebal.

Unsur-unsur yang terdapat dalam wacana dapat digambarkan seperti berikut:



RAJAH 1.3: Unsur-unsur Dalam Wacana





Menurut Harimurthi dalam Abdul Jalil Othman (2000) wacana ialah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Unit bahasa ini juga mengandungi satu penyatuan bahasa yang lengkap kerana sesuatu wacana mungkin terdiri daripada dua atau beberapa gabungan ayat, satu perenggan atau satu bab. Wacana turut menunjukkan perkembangan fikiran berurutan yang tersusun dengan sempurna, selain menghasilkan satu pemikiran yang utuh. Dalam tatabahasa, wacana terletak dalam hierarki tertinggi yang hadir selepas tingkat ayat.

Menurut buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2008) oleh Nik Safiah Karim et. al yang menjadi rujukan utama bagi pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Malaysia, **penanda wacana** digunakan agar wujud kesinambungan antara ayat dengan frasa dalam sesuatu wacana. Nik Safiah Karim et. al mengatakan dalam bahasa Melayu, terdapat sekurang-kurangnya lima jenis penanda wacana, iaitu:

- (i) Penanda penghubung.
- (ii) Penanda rujukan.
- (iii) Penanda penggantian.
- (iv) Penanda leksikal.
- (v) Penanda elipsis atau pengguguran.





Dalam buku Halliday & Hasan (1976) ungkapan-ungkapan seperti ini pula mengistilahkan sebagai 'conjunction' membahagikan kepada empat jenis terbesar iaitu tambahan, sebaliknya, sebab-musabab dan ketika.

Ketepatan aplikasi penanda wacana dimaksudkan sejauh mana penanda-penanda wacana itu digunakan secara tepat dan betul dalam penggabungan ayat serta perangkaian antara ayat-ayat dan perenggan.

Kemahiran menulis karangan meliputi semua aktiviti dan latihan yang mencakupi aspek-aspek dalam penulisan iaitu, proses penulisan, pemilihan isi, susunan paragraf, tatabahasa, sintaksis dan mekanis.

Menulis karangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bentuk penulisan yang dihasilkan oleh murid-murid tingkatan empat. Penulisan yang dihasilkan adalah daripada jenis deskriptif.

Murid tingkatan empat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah murid-murid tingkatan empat yang mempunyai pencapaian sederhana. Mereka belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seri Maharaja Lela, Kampung Gajah, Perak dan Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh, Perak.



1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada satu jenis sahaja penanda wacana iaitu penanda wacana penghubung tambahan kerana jumlah itu mencukupi bagi tujuan kajian ini. Ini berdasarkan apa yang dinyatakan dalam Tatabahasa Dewan yang menjadi rujukan dan panduan utama murid-murid sama ada di sekolah rendah mahupun menengah. Penanda wacana penghubung tambahan merupakan penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Antara penanda wacana jenis ini ialah *dan*, *lalu*, *malahan*, *tambahan pula*, *lebih-lebih lagi*, *di samping itu*, dan *selanjutnya*.

Selain daripada terbatas kepada ujian ketepatan penggunaan penanda wacana dalam penggabungan ayat, penyelidikan ini juga hanya menguji penggunaan penanda ini dan alat kata penghubung tambahan dalam jenis penulisan karangan deskriptif sahaja. Tidak semua jenis penulisan digunakan dalam kajian ini kerana faktor masa.

Dalam kajian ini, ujian ketepatan penggunaan penanda wacana juga lebih merupakan satu ujian untuk mengukur pengetahuan dan kefahaman murid-murid terhadap penggunaan penanda wacana penghubung tambahan yang sesuai dalam merangkai dan menggabungkan ayat. Begitu juga dalam mengkaji penggunaan penanda ini dalam penulisan yang hanya terbatas kepada satu bentuk karangan sahaja.



Di samping itu, kajian ini hanya dijalankan ke atas 20 orang murid tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seri Maharaja Lela, Kampong Gajah, Perak dan 20 orang murid tingkatan empat di Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh, Perak. Skop kajian tidak pula diluaskan ke sekolah-sekolah lain kerana faktor masa, kemudahan, kepentingan kajian, kewangan dan sebagainya.

Persekitaran budaya sekolah bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seri Maharaja Lela yang terletak di Pekan Kampong Gajah ini mempunyai kemudahan fizikal dan infrastruktur yang agak baik walaupun terletak di luar bandar. Selain itu, bilangan pelajar dalam tingkatan empat sekolah ini seramai 115 orang murid daripada kaum Melayu sahaja membolehkan pengkaji membuat pemilihan rawak seperti yang ditentukan dan keperluan kajian ini. Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh, Perak pula dipilih bagi mewakili sekolah yang terletak di kawasan bandar. Kedudukan Sekolah Menengah St. Michael, Ipoh, Perak ini yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Ipoh amat relevan bagi mewakili sampel yang bersekolah di bandar. Murid-murid yang belajar di sini merupakan mereka yang terdedah kepada pelbagai kemudahan pembelajaran kerana terdapat kemudahan teknologi komputer sama ada di rumah ataupun setidak-tidaknya di sekolah, perpustakaan yang besar dan lengkap serta kemudahan prasarana hidup yang lainnya.

